B 8457 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH/MUSA QQQ

KUALA LUMPUR, 30 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMPELAWA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH DAN DATUK MUSA HITAM UNTUK MENGANGGOTAI KABINET SEBAGAI MENTERI TIDAK BERPORTFOLIO DEMI PERPADUAN MELAYU.

BELIAU MEMBUAT PENGUMUMAN YANG MENGEJUTKAN ITU SEJURUS SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PENANGGUHANNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI PETANG INI.

SEBELUM MEMBUAT PENGUMUMAN ITU, BELIAU MEMINTA PARA PERWAKILAN YANG BERJUMLAH 1,545 ORANG DAN RIBUAN PEMERHATI SUPAYA BERTENANG. -- LAGI.

1858MST 30 10 88

B 8458 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH/MUSA 2 KUALA LUMPUR QQQ

+PENGUMUMAN INI MUNGKIN TIDAK AKAN DISAMBUT BAIK OLEH PARA PERWAKILAN,+ KATANYA.

+TETAPI OLEH KERANA KITA SEMUA INGINKAN PERPADUAN, DAN KITA PERCAYA KITA PATUT BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMUPUK PERPADUAN, MAKA SAYA AKAN MEMBUAT PENGUMUMAN INI.

+SAYA INGIN MENJEMPUT TENGKU RAZALEIGH HAMZAH DAN DATUK MUSA HITAM UNTUK MENGANGGOTAI KABINET SEBAGAI MENTERI TIDAK BERPORTFOLIO,+ KATA BELIAU DENGAN DISAMBUT TEPUKAN GEMURUH OLEH PARA HADIRIN. MEREKA TERUS BERDIRI SEBAGAI TANDA PENERIMAAN MEREKA AKAN PENGUMUMAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PELAWAANNYA ITU ADALAH SECARA IKHLAS SEBAGAI SATU LANGKAH UNTUK MEMPERBAIKI PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU DAN ANGGOTA UMNO. -- LAGI.

1859MST 30 10 88

B 8462 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH/MUSA 3 KUALA LUMPUR QQQ

PENGERUSI TETAP PERHIMPUNAN TAN SRI SULAIMAN NINAM SHAH SEBELUM MENANGGUHKAN PERSIDANGAN TIGA HARI ITU MERAYU TENGKU RAZALEIGH DAN DATUK MUSA SUPAYA SECARA IKHLAS MENERIMA PELAWAAN PERDANA MENTERI ITU.

KATANYA PARA PERWAKILAN TELAH MENUNJUKKAN SOKONGAN PENUH KEPADA PELAWAAN ITU.

BELIAU BERKATA WALAUPUN DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENYATAKAN KESANGSIANNYA BAHAWA PERWAKILAN MUNGKIN TIDAK AKAN MENERIMA BAIK PENGUMUMAN YANG AKAN DIBUATNYA ITU, TETAPI TERNYATA PARA PERWAKILAN MEMBERI SOKONGAN PENUH. -- BERNAMA.

1906MST 30 10 88